

Faktor – Faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Multimedia Kreatif Komputerian (FMKK) di Universiti Islam Selangor (UIS)

Nur Alia Abdul Razak, Nur Fikhriah Takril*, Safura Ahmad Sabri, Nurauliani Jamlus Rafdi & Teh Suhaila Tajuddin

*Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor,
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.*

**Penulis Koresponden: nurfikhriah@uis.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara simpanan, pelaburan dan perbelanjaan terhadap pengurusan kewangan. Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar diploma fakulti Multimedia Kreatif komputerian di Universiti Islam Selangor. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan bagi pelajar diploma Fakulti Multimedia kreatif komputerian semester 1 hingga 3 sahaja. Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik atas talian yang mengandungi 5 item untuk demografi dan 20 item berskala Likert. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan sampel sebanyak 94 orang responden yang terdiri daripada pelajar diploma Fakulti Multimedia kreatif komputerian semester 1 hingga 3. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 297 untuk melihat purata, peratusan, kekerapan, korelasi pearson dan analisis regrasi berganda. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara simpanan, pelaburan dan perbelanjaan terhadap pengurusan kewangan. Korelasi pearson bagi simpanan ($r = .616^{**}$), pelaburan ($r = .3.53^{**}$) dan perbelanjaan ($r = .534^{**}$) ialah signifikan < 0.001 . Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pandangan positif terhadap pengurusan kewangan mereka. Dapatan analisis regrasi bagi simpanan, signifikan < 0.001 serta $\beta = 0.401$ dan ini menunjukkan bahawa faktor paling mempengaruhi pengurusan kewangan ialah simpanan. Dari aspek praktikal, hasil kajian ini juga turut menyumbang beberapa faedah dan kebaikan terhadap organisasi yang dikaji. Pihak universiti perlu mengambil inisiatif untuk menambahkan kesedaran pengurusan kewangan terhadap pelajar yang bukan mengambil jurusan kewangan.

Kata Kunci: Simpanan, Pelaburan, Perbelanjaan, Pengurusan kewangan

PENGENALAN

Kewangan adalah istilah luas yang menggambarkan aktiviti yang berkaitan dengan wang, perbankan, hutang, kredit, pasaran modal dan pelaburan. Menurut Murugiah (2016) pengurusan kewangan ialah satu gabungan pengetahuan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku kewangan untuk membuat keputusan berkaitan pengurusan kewangan secara berhemah. Brigham et al. (2014) menyatakan bahawa pengurusan kewangan ialah merupakan seni dan sains pengurusan wang menggabungkan pelbagai teori ekonomi dan objektif perakaunan untuk mencapai objektif perniagaan dan individu. Tambahan pula, ilmu kewangan adalah ilmu yang penting dan berguna dalam kehidupan seharian kerana ia dapat membantu kita mengurus kewangan dengan lebih baik dan dapat mencapai matlamat

kewangan kita, mengelakkan masalah kewangan serta meningkatkan kesejahteraan kewangan kita.

Oleh itu, kesedaran untuk menguruskan kewangan wajarlah diterapkan dalam setiap golongan malah apa jua bidang yang diceburi. Hatta mahasiswa yang masih belajar jugak perlu diterapkan kesedaran ini dalam kehidupan mereka. Ini seiring dengan sebuah kajian yang dijalankan oleh Nor Ayu (2017) tentang kesedaran tentang pengurusan kewangan di Politeknik Hulu Terengganu mendapati min skor di tahap yang sederhana, dengan min purata 3.22. Hal ini mungkin disumbangkan oleh sebab mereka adalah golongan yang kurang didedahkan tentang pengurusan kewangan dalam kehidupan mereka kerana mereka baru sahaja memasuki alam universiti dan perlu berdikari untuk menguruskan kehidupan seharian mereka sendiri. Selain itu, dapatan kajian John Abdullah & Ahmad (2007) mendapati bahawa kehidupan dan keperluan kewangan selepas memasuki institusi pengajian tinggi lebih tinggi terhadap kos sara hidup yang diperlukan berbanding pada peringkat sekolah. Mungkin ada segelintir pelajar yang bernasib baik dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik, akan tetapi terdapat juga segelintir pelajar yang tidak mengambil endah tentang perkara ini dan banyak memberi kesan kepada mereka.

Kesedaran pengurusan kewangan adalah keadaan di mana seseorang memahami dan mengambil tindakan yang sesuai terhadap situasi kewangan mereka (Noor Lela & Nadiyah, 2021). Kesedaran kewangan melibatkan pelbagai aspek seperti pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang berkaitan dengan pengurusan kewangan yang bijak dan bertanggungjawab. Kesedaran kewangan juga bermaksud seseorang itu dapat membuat keputusan kewangan yang berhemah, berdasarkan matlamat dan keperluan mereka (Syakirah & Zaimah, 2021). Adalah sangat penting untuk mencapai kesejahteraan kewangan, iaitu keadaan di mana pelajar menganggap status kewangannya sihat dan bebas daripada kerisauan. Kesejahteraan kewangan dapat meningkatkan kualiti hidup, kesihatan mental dan fizikal, serta hubungan sosial seseorang. Kesejahteraan kewangan juga dapat memberi perlindungan kewangan pada masa depan, mengurangkan beban hutang dan tanggungjawab kewangan, serta menjana modal pelaburan perniagaan (Noraznida Husin, 2021).

Seterusnya, menguruskan kewangan juga dapat membentuk belanjawan yang lebih berstruktur dan dapat mengelakan daripada tabiat belanjawan yang negatif seperti berbelanja melebihi kemampuan dan tidak mengikut anggaran. Ini boleh menyebabkan beban hutang bertambah dan tidak mempunyai simpanan untuk kecemasan atau masa hadapan (Noor Lela & Nadiyah, 2021). Umumnya, kehidupan seorang mahasiswa tidak akan lari daripada hal perbelanjaan dan kewangan sepanjang pengajian mereka di sesebuah universiti. Bukan sahaja untuk membayar yuran pengajian akan tetapi cara pengurusan kewangan seperti simpanan, pelaburan dan perbelanjaan mereka di sana. Oleh hal yang demikian, mahasiswa seharusnya sudah mula belajar untuk menguruskan perbelanjaan seharian dengan bijak dan efektif. Menurut laporan dari Jabatan insolvensi Malaysia melaporkan masih wujud individu yang berusia 18 tahun diisytiharkan muflis. Seramai 64,632 rakyat Malaysia yang membabitkan usia semuda 18 tahun sehingga 44 juga dibelenggu dalam masalah yang sama pada September 2018. Tambahan lagi, laporan kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Encik Azaddin Ngah Tasir, menyatakan berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 243,390 kes kebangkrapan yang ditadbir sehingga Oktober 2023, 18.7% kes adalah dari individu berumur dari 25 hingga 34 tahun. Hal ini mungkin disumbangkan daripada kurang cakna mengenai pengurusan kewangan yang mengikut statistik hampir 50% datang dari pinjaman peribadi. Data ini juga

menunjukkan kesedaran pengurusan kewangan yang lemah dimana sebelum mencecah umur 25 tahun, mereka tidak dibiasakan atau terdedah dengan pengurusan kewangan.

Menurut Nor Akmar Yaakub, Ketua Jabatan Pendidikan Kewangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), mengatakan beberapa perkara yang menyebabkan pengurusan kewangan yang buruk adalah pendapatan yang rendah, perbelanjaan yang tidak teratur, dan kekurangan motivasi dan disiplin. Oleh itu, mahasiswa juga terdedah dengan perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat. Kos sara hidup yang semakin meningkat serta tidak berpadanan dengan pendapatan isi rumah. Berbelanja di luar kemampuan dapat menyumbang kepada aktiviti berhutang. Kesan dari aktiviti gaya hidup yang berbelanja berlebihan yang sentiasa meningkat dalam kalangan isi rumah juga menjadi faktor mereka berhutang semata-mata untuk kemewahan bukannya keperluan. Kajian yang dilakukan oleh Shaari et al., (2013) ke atas pola pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa yang menerima pinjaman kewangan PTPTN di Universiti Putra Malaysia, mendapati kebanyakan responden berpendapat jumlah pinjaman yang mereka perolehi adalah tidak mencukupi. Kajian juga membuktikan bahawa mahasiswa perempuan lebih banyak menyimpan berbanding mahasiswa lelaki. Mahasiswa lelaki lebih memperuntukkan kewangan mereka untuk makanan, pakaian, hiburan, alat tulis, rekreasi, pengangkutan dan perubatan. Mahasiswa perempuan pula berminat berbelanja ke arah alat kosmetik, bil telefon, hadiah, barang kemas dan majalah hiburan.

Mahasiswa dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun mempunyai keadaan dan gaya hidup yang berbeza daripada mahasiswa lain (Muhammad Fazli et al., 2006). Dapatan kajian menunjukkan mahasiswa memerlukan bimbingan dan pendedahan pengurusan kewangan dalam menjana tabiat perbelanjaan yang bijak serta pengurusan kewangan yang bagus dalam kalangan mahasiswa. Kebiasaannya, ramai yang berasa diri mereka memerlukan pengurusan dan perancangan kewangan, namun kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai pengurusan kewangan menyebabkan kepentingannya diabaikan.

Kajian yang dijalankan oleh Suzana et al., (2016), menunjukkan terdapat segelintir mahasiswa gagal untuk menguruskan perbelanjaan mereka secara bijak kerana kurang pengetahuan terhadap pengurusan perbelanjaan. Hal ini juga dibuktikan dengan satu kajian yang telah dilakukan oleh Falahatib et al., pada tahun 2011 bertujuan untuk mengkaji pengurusan kewangan mahasiswa universiti dan keperluan kewangan pendidikan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa universiti menghadapi masalah segi pengurusan kewangan. Ini sekaligus menyebabkan para mahasiswa selalu berdepan dengan masalah kewangan dimana majoriti mahasiswa menggunakan pinjaman kewangan pendidikan. Oleh itu, pengurusan kewangan dalam perbelanjaan mestilah lebih bijak dan berhemah ketika berbelanja bagi mengelakkan berlakunya pembaziran wang. Jika pengurusan kewangan dirancang dengan lebih efisien, maka kedudukan kewangan akan mencukupi bagi menampung perbelanjaan mahasiswa tersebut malah dapat membuat sedikit tabungan simpanan. Hal ini berlaku disebabkan kesan daripada peningkatan kos, serta perubahan orientasi pendidikan dan dasar pembiayaan di peringkat tinggi. Justeru itu, mahasiswa seharusnya bijak menguruskan kewangan dalam perbelanjaan bulanan dan mengawal perbelanjaan dengan berhemah (Siti Alida et. al., 2006).

Dapatan kajian John Abdullah & Ahmad, 2007 mendapati bahawa kehidupan dan keperluan kewangan selepas memasuki institusi pengajian tinggi lebih tinggi kos hidup yang diperlukan berbanding pada peringkat sekolah. Hal ini kerana, lebih banyak penggunaan yang diperlukan dan pembayaran yang jauh lebih mahal. Tambahan pula, dapatan kajian menunjukkan

perubahan ekonomi negara dan kos sara hidup yang meningkat jugak menjadikan golongan mahasiswa terbeban kerana ramai dari kalangan mereka belum mempunyai pendapatan tetap dan belum bekerja (Jusoh & Mohd Noor, 1998).

Dalam pada itu, bukan bahan pembelajaran sahaja yang perlu dibeli tetapi mereka jugak turut terkesan dengan kenaikan harga barang yang ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu, aspek pengurusan kewangan ini tidak boleh dipandang ringan kerana cabaran hidup pada masa kini semakin mencabar (Yaacob, 2011). Kajian yang dijalankan pada tahun 2019 oleh Norlaila et al mendapati bahawa ramai mahasiswa menghadapi masalah kewangan adalah terdiri daripada mahasiswa yang mengambil biasiswa atau pinjaman seperti PTPTN. Masalah ini wujud disebabkan jumlah pinjaman yang diterima bergantung kepada pendapatan ibu bapa.

Selain itu, Hasil kajian Norain et al., (2019) mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa yang memohon biasiswa atau pinjaman datang dari golongan keluarga yang berpendapatan rendah (B40). Dengan duit yang dapat dari biasiswa dan pinjaman, mereka boleh membantu dan memberi sedikit duit elaun kepada keluarga mereka dan selebihnya adalah untuk simpanan. Antara sebab yang menjadi kebiasaan mahasiswa tentang pengurusan kewangan adalah berbelanja mengikut kehendak bukan keperluan. Pada era kini ramai mahasiswa lebih mementingkan trend atau benda yang viral dengan berbelanja tanpa membuat pengurusan dahulu. Ini juga salah satu factor yang menyebabkan masalah kewangan pada mahasiswa untuk masa hadapan kerana tiada simpanan awal (Aisyah & Wajeeha, 2016).

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa banyak aspek yang menyebabkan segelintir mahasiswa tidak ambil cakna berkaitan pengurusan kewangan atas faktor-faktor tertentu. Kebanyakan mahasiswa lebih terkesan dengan kos sara hidup di institusi yang lebih tinggi. Hal ini kerana banyak keperluan yang diperlukan. Contohnya buku pembelajaran, alat tulis, yuran dan bayaran bayaran yang lain. Terdapat juga yang terkesan disebabkan oleh mereka datang dari keluarga yang berpendapatan rendah(B40) dan ingin membantu keluarga dengan duit elaun setiap semester. Oleh itu, ramai pihak perlu mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran kepada pelajar untuk memberi ilmu tentang pengurusan kewangan dalam kehidupan seharian mereka. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa banyak aspek yang menyebabkan segelintir mahasiswa tidak ambil cakna berkaitan pengurusan kewangan atas faktor-faktor tertentu. Kebanyakan mahasiswa lebih terkesan dengan kos sara hidup di institusi yang lebih tinggi. Hal ini kerana banyak keperluan yang diperlukan seperti buku dan bahan pembelajaran, keperluan data internet, yuran dan bayaran bayaran yang lain.

Hasil daripada permasalahan yang timbul kajian ini akan mengenalpasti hubungan di antara faktor simpanan, pelaburan dan perbelanjaan dengan kesedaran pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar tahun pertama di fakulti multimedia kreatif dan komputeran (FMKK) di Universiti Islam Selangor (UIS).

SOROTAN LITERATUR

Pengurusan kewangan dapat didefinisikan sebagai cara yang teratur dalam merancang dan mengawal perbelanjaan untuk memenuhi matlamat hidup (Noor Lela & Nadiah, 2021). Dalam konteks pengurusan kewangan, definisi ini merujuk kepada proses merancang, mengawal dan menguruskan sumber kewangan untuk mencapai matlamat kewangan yang ditetapkan (Marzita, 2010). Selain itu, Salbiah Nur Shahrul Azmi et al., (2018) menyatakan bahawa amalan pengurusan kewangan bukan sahaja bergantung pada pengetahuan dan

kemahiran yang dipraktikkan oleh seseorang individu malah pengurusan kewangan juga berperanan untuk memastikan sesuatu ekonomi negara itu stabil dan dapat mengurangkan risiko berlakunya krisis kewangan. Bukan terletak pada golongan mahasiswa sahaja untuk menguruskan kewangan. Banyak pihak yang perlu mengambil inisiatif untuk kesederan menguruskan kewangan dengan baik bagi tidak memberi kesan yang negatif kepada mana mana pihak yang berkait.

Simpanan

Simpanan adalah faktor asas dalam pengurusan kewangan. Simpanan boleh dirujuk kepada sesuatu yang disimpan atau disimpankan untuk kegunaan pada masa akan datang (Salleh Wahab, 2020). Dalam konteks kewangan, simpanan merujuk kepada wang atau aset yang seseorang atau sesuatu entiti letakkan pada satu tempat untuk tujuan masa depan. Contohnya, seseorang menyimpan wang dalam akaun simpanan untuk digunakan pada masa hadapan atau apabila berlaku kecemasan. Kebiasanya simpanan wang boleh dilakukan di bank atau institusi kewangan. Hal ini juga berkait dengan asas pengurusan kewangan. Dengan simpanan yang baik ia dapat memberi kesan positif terhadap pengurusan kewangan yang baik.

Dalam penulisan Mwage (2017) menyatakan bahawa ramai pelajar dari universiti Zambia mempunyai tahap pengurusan kewangan lebih tinggi kerana mempunyai ilmu dalam bidang pengetahuan kewangan secara umum dan mengetahui mengenai simpanan dan pendedahan tentang isu kewangan dan monetari. Oleh itu, kita dapat menguruskan dan merancang kewangan dengan lebih mantap jika diberikan pendedahan tentang ilmu kewangan di usia yang lebih awal. Tambahan pula, kajian daripada Mohamad Fazli et, al (2008) menunjukkan bahawa ramai orang muda seperti mahasiswa mengabaikan keperluan untuk simpanan dan lebih menggunakan duit mereka ke arah perbelanjaan yang tidak penting. Kajian ini disokong rapat lagi dengan kajian dari sabri & Mc Donal (2008) bahawa mereka mendapati ramai mahasiswa di Malaysia tidak mampu membelanjakan wang simpanan dengan bijak sebaik sahaja menerima wang daripada biassiswa dan pinjaman, malah sebaliknya berbelanja mengikut kehendak.

Ini dapat disimpulkan bahawa simpanan tidak kira dari segi duit, harta, atau barang ia berkait dengan pengurusan kewangan. Jika dapat memahami pengurusan kewangan dengan bijak maka lebih mudah untuk kita menguruskan dengan baik. Dengan kata lain, simpanan adalah salah satu elemen penting dalam pengurusan kewangan yang berhemah dan membantu untuk mencapai matlamat kewangan dengan lebih efisien.

Pelaburan

Selain faktor simpanan yang dapat mempengaruhi pengurusan kewangan, faktor pelaburan jugak salah satu faktor yang berkait dengan pengurusan kewangan. Pelaburan dapat didefinisikan sebagai suatu kegiatan menanamkan modal atau wang melalui pembelian instrument kewangan atau aset baik secara langsung mahupun tidak untuk kegunaan lanjut dengan harapan pemilik modal akan mendapatkan sejumlah keuntungan atau manfaat akan datang setelah sekian lama dalam bentuk bayaran faedah, pendapatan, atau penambahan nilai instrumen (Cana Paranita, Moch. Dzulkirom, AR, Raden Rustam Hidayat, 2015). Menurut kajian daripada Hilgert dan Hogarth (2003) mereka menyatakan bahawa dalam konsep pengurusan kewangan amalan pelaburan mejadi salah satu faktor penting yang membentuk pengurusan kewangan yang baik. Oleh itu pelaburan jugak dapat memberi kesan yang positif terhadap pengurusan kewangan.

Selain itu, pelaburan pada masa kini lebih kepada pelaburan emas bagi mengelakkan modal yang dikeluarkan mendapat pulangan. Dalam penulisan faiz Rahim (2022) di artikel *loanstreet*, Beliau menyatakan bahawa pelaburan dalam emas masih dianggap salah satu pelaburan yang baik berbanding pelaburan yang lain. Tambahan pula, ada beberapa penganalisis menjangkakan harga emas akan terus meningkat Mengikuti ekonomi negara pada masa itu. Faktor pelaburan bukan sahaja untuk menaikkan keutungan pada individu tetapi ia berkait rapat dengan pengurusan kewangan. Hal ini kerana jika individu dapat memahami konsep pengurusan kewangan dalam pelaburan berkemungkinan pemikiran Beliau akan ke arah masa hadapan dan bukan sahaja untuk mendapatkan keuntungan yang tinggi (Syareel & Norlita, 2021).

Perbelanjaan Keperluan Dan Kehendak

Perbelanjaan dapat dikata perkara asas dalam kehidupan seharian kita sama ada berbelanja atas keperluan atau kehendak (Razis Ismail, 2020). Perbelanjaan merujuk kepada tindakan membeli atau memperoleh barang atau perkhidmatan dari penjual dengan tujuan penggunaan pada masa tersebut. Ia juga bole merujuk kepada pengurusan dan perancangan kewangan dalam tempoh tertentu seperti melakukan belanjawan harian, mingguan dan bulanan untuk menentukan bajet yang perlu digunakan oleh itu pengurusan kewangan dan faktor perbelanjaan amatlah berkait rapat (Elmerraji, 2021)

Namun begitu, kos perbelanjaan semakin hari semakin meningkat dan sungguh membebankan golongan yang terkesan seperti mahasiswa yang sememangnya mempunyai kekangan kewangan disebabkan belum memulainya pekerjaan. Menurut kajian dari Jusoh & Mohd Noor (1998), mereka menyatakan bahawa perbelanjaan mahasiswa akan bertambah berikutan dengan cara gaya hidup mereka dan kos sara hidup yang makin meningkat. Selain dari perbelanjaan keperluan seperti alat tulis, buku pembelajaran dan sebagainya, mereka juga akan terkesan dengan kenaikan harga barang – barang yang lain. Oleh itu aspek pengurusan kewangan ini tidak boleh dipandang ringan kerana cabaran hidup pada masa sekarang amat mencabar (Yaacob, 2011).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mencari hubungan di antara tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu simpanan, pelaburan, dan perbelanjaan terhadap pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa tahun pertama FMKK di Universiti Islam Selangor (UIS). Responden adalah dipilih secara rawak mudah. Instrumental kajian bagi mendapatkan data penyelidikan adalah menggunakan kaedah soal selidik yang terdiri dari 4 bahagian iaitu Bahagian A (demografi), Bahagian B (pengurusan kewangan), Bahagian C (simpanan), bahagian D (pelaburan), dan bahagian E (perbelanjaan keperluan dan kehendak). Kaedah pengedaran soal selidik adalah melalui aplikasi whatsapp dan link google form. Melalui kaedah ini, responden akan mengisi semua item yang disediakan. Tambahan pula, penggunaan soal selidik merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa singkat (Ujang, 2017). Selain itu, soal selidik menggunakan Skala Likert dari skala 1 mewakili sangat tidak setuju kepada 5 yang bermaksud sangat setuju.

Sebelum data sebenar bagi kajian ini dikumpul, kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang pelajar diploma dari fakulti multimedia kreatif komputerian sem1 hingga sem 3. Jadual 3.8 di bawah menunjukkan statistik kebolehpercayaan bagi kajian rintis. Melalui kajian rintis, kesesuaian, ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenalpasti dan kelemahan-

kelemahan yang wujud dapat diperbaiki dalam usaha untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu dan berkualiti (Mohd Majid Konting, 2004). Jadual 1 menunjukkan nilai indeks kebolehpercayaan bagi setiap bahagian dalam instrumen kajian adalah melebihi 0.7. Oleh itu, item-item dalam soal selidik dianggap memuaskan serta boleh digunakan bagi mendapatkan data sebenar (Chua, 2006).

Jadual 1

Nilai Indeks Kebolehpercayaan bagi Instrumen Kajian

Pemboleh Ubah	Cronbach Alpha α	Bilangan item
Pengurusan kewangan	0.601	4
Simpanan	0.682	4
pelaburan	0.831	4
Perbelanjaan	0.651	7

Populasi di dalam kajian ini melibatkan beberapa pelajar diploma fakulti multimedia kreatif komputerian. Kajian ini mempunyai populasi berjumlah 127 orang mahasiswa. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel minimum yang dicadangkan bagi jumlah populasi tersebut adalah seramai 94 orang. Justeru dengan menggunakan persampelan mudah, borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 94 set borang soal selidik yang lengkap diisi berjaya dikumpulkan oleh penyelidik. Data yang berjaya dikumpulkan kemudiannya dianalisis dengan menjalankan analisis deskriptif dan korelasi pearson bagi menentukan hubungan di antara pengetahuan mengenai simpanan, pelaburan dan corak perbelanjaan dengan pengurusan kewangan dikalangan pelajar FMKK di UIS.

Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis yang diuji dalam kajian ini iaitu:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara simpanan dengan pengurusan kewangan.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara pelaburan dengan pengurusan kewangan.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara perbelanjaan dengan pengurusan kewangan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden kajian iaitu seramai 94 orang mengikut kategori jantina, semester pengajian, taraf pendidikan dan tempoh perkhidmatan. Jadual 2 di bawah merumuskan taburan demografi data kajian.

Jadual 2

Analisis Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
-------------	------------------	--------------------

Jantina		
Lelaki	19	20.2
Perempuan	75	79.8
Semester pengajian		
Semester 1	14	14.9
Semester 2	7	7.4
Semester 3	73	77.7
Anggaran pendapatan isi rumah/ibu bapa		
Kurang daripada RM5,000	45	47.9
RM5,000 – RM10,000	34	36.1
Lebih daripada RM10,000	15	16
Sumber Kewangan Pengajian		
PTPTN	61	64.9
MARA	4	4.3
Biasiswa	1	1.1
Ibu bapa	28	29.8

Analisis Deskriptif Tahap Kesedaran Keselamatan dalam Kalangan Pekerja

Jadual 3 di bawah menunjukkan keputusan analisis min bagi setiap item yang dianalisis berdasarkan peratusan, kekerapan, skor min, dan sisihan piawai.

Jadual 3

Nilai Min bagi setiap pembolehubah

Bil	Pembolehubah	Bilangan Soalan	Skor Min	Tahap
1	Pengurusan kewangan	4	3.57	Sederhana
2	Simpanan	4	3.49	Sederhana
3	Pelaburan	4	3.37	Sederhana
4	Perbelanjaan	7	3.64	Sederhana

Jadual 4

Korelasi Pearson

		Simpanan	Pelaburan	Perbelanjaan
Hubungan diantara Simpanan, Pelaburan dan Perbelanjaan dengan pengurusan kewangan	Korelasi Pearson	0.616**	0.353**	0.534**
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.000	0.000
	N	94	94	94

** korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Pembolehubah tidak bersandar yang pertama menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif pada kekuatan hubungan yang sederhana iaitu $r = .616^{**}$ dan nilai signifikan untuk pemboleh ubah ini adalah berada pada tahap < 0.001 (2 – tailed). Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara simpanan dan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar FMKK ini adalah positif dan signifikan. Oleh yang demikian, dapatan ini membuktikan bahawa simpanan ini memberikan kesan yang positif terhadap pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar dan ini disokong oleh kajian lepas iaitu Klapper et al., (2015) dimana simpanan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pengurusan kewangan yang baik.

Seterusnya, hasil analisis dalam Jadual 4 di atas menunjukkan wujudnya hubungan signifikan positif pada kekuatan hubungan yang rendah iaitu $r = .353^{**}$ dan nilai signifikan untuk pemboleh ubah ini adalah berada pada tahap < 0.001 (2 – tailed). Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara pelaburan dengan pengurusan kewangan adalah positif dan signifikan. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Heckman (2006) dimana pelaburan memberi kesan signifikan kepada pengurusan kewangan. Namun dapatan ini mungkin dipengaruhi oleh kurang kesedaran mengenai pelaburan risiko rendah dikalangan mahasiswa seperti simpanan tetap jangka pendek dan pelaburan lain.

Akhir sekali, pembolehubah tidak bersandar yang ketiga pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana dengan nilai korelasi $r = .534^{**}$ dan nilai signifikan bagi pemboleh ubah ini berada pada tahap < 0.001 (2-tailed). Hasil kajian ini menerima hipotesis ketiga iaitu H3, terdapat hubungan yang signifikan di antara simpanan, pelaburan dan pengurusan kewangan.

Rumusan keseluruhan keputusan ketiga-tiga hipotesis bagi kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5
Keputusan Hipotesis

Hipotesis	Butiran	Keputusan
H ₁	Terdapat hubungan yang signifikan antara simpanan dengan pengurusan kewangan.	Diterima
H ₂	Terdapat hubungan yang signifikan antara pelaburan dengan pengurusan kewangan.	Diterima
H ₃	Terdapat hubungan yang signifikan antara perbelanjaan dengan pengurusan kewangan.	Diterima

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa hubungan simpanan dengan pengurusan kewangan adalah positif dan signifikan. Golongan pelajar di FMKK lebih cenderung dan bijak dalam menguruskan kewangan dari aspek simpanan. Selain itu, dapatan kajian ini juga lebih menfokuskan cara pelajar menyimpan wang atau pendapatan mereka semasa masih bergelar mahasiswa. Hubungan signifikan yang positif ini menunjukkan semakin pelajar membuat simpanan maka semakin baik pengurusan kewangan. Selain itu, kajian juga mendapati aspek pelaburan kurang memberi kesan dan kurang berpengaruh dengan pengurusan kewangan. Hal ini kerana pelajar di FMKK kurang memberi perhatian atau tidak terdedah dengan penegetahuan pelaburan dalam persekitaran mereka. Tambahan pula, golongan mahasiswa tidak menggap bahawa pelaburan ialah aspek yang penting dalam lingkungan umur mereka. Akhirnya, kajian menunjukkan kesan yang positif diantara perbelanjaan dengan pengurusan kewangan. Hal ini dapat menjelaskan bahawa pelajar FMKK mehamai konsep perbelajaaan dalam pengurusan kewangan. Kajian ini dapat disokong lagi oleh Mansor & Zulridah (1998), bahawa perbelanjaan seseorang individu berubah mengikut gaya hidup dan kos sara hidup seseorang. Walau bagaimanapun seseorang yang mahir dalam perbelajaan masih perlu untuk mengambil tahu tentang pengurusan kewangan.

RUJUKAN

- Aris, M.N.A. And Zainudin, N.B.Z. (2021) 'Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Kewangan Dalam Kalangan Pelajarkolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(Kuis)', *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (icomm 2021)*e-ISSN: 2756-8938 doi:<http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-103.pdf>.
- Abdullah, N. Et al. (2020) 'PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA', *Jurnal Pengguna Malaysia*.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). (2012). *Ingat Cuma 10%! Dimuat turun di* <http://www.akpk.org.my/learning/articles-andtips/id/482/ingat-cuma-10-peratus> pada 23 Jun 2013
- Berita Harian Online (2016, 06 Disember), *Kadar muflis golongan muda di Malaysia merisaukan*. Akses daripada <https://www.bharian.com.my/node/220849>
- Bujang, N.A. (2007). *Pengurusan Kewangan Mahasiswa: Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 1 Dan2, Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)*, Fakulti Pendidikan, UTM. Tesis sarjanamuda Sains Serta Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- HUSIN, N. (2021) 'Status Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalanganpelajar', *Conference: 8th Int. Conference on Management & Muamalah*.
- Fazli, M.S., macdonald, M., Hira, T.K., & Jariah, M. (2010). *Childhood consumer experience and the financial literacy of college students in Malaysia*. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 38(4), 455-467.
- Huzaimah, Y. And Ahmad, A. (2017) 'Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa', *Conference: International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity*.
- Heckman, J.J. (2006) *Skill Formation and the Economics of Investing in Disadvantaged Children* doi: https://jenni.uchicago.edu/papers/Heckman_Science_v312_2006.pdf.
- Jabatan Insolvensi Negara (2005-Jun2012). *Statistik Muflis*. Dimuat turun pada 1 Julai 2013 daripada <Http://www.insolvensi.gov.my/ms/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). *imuat turun pada 1 Julai 2013 daripada* <http://www.statistics.gov.my>
- John Abdullah, S.A, Ahmad, H (2007). *Kewangan & Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Klapper, L. Et al. (2015). *Financial Literacy around the World. Standard & Poor's Ratings Services Global Financial Literacy Survey*.
- Murugiah, L. (2016) 'The Level of Understanding and Strategies to Enhance Financial Literacy among Malaysian', 2016130 *International Journal of Economics and Financial Issues*.
- Md Zeni, S. Et al. (2021) 'pengurusan kewangan mahasiswa', *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Special Issue KONAKA (Bahasa Melayu) - Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Vol 24(03), October 2021*. Doi: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/56991/1/56991.pdf>.
- Nor Syahidah, N. & Norasmah, (2017). *Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan dengantahapliterasi Kewangan*. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol. 1: no.1 (2017):
- Parzi, M.N. (2020) 'Pengurusan kewangan lemah punca gagal menyimpan', *BERITA HARIAN*. Available at: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748282/pengurusan-kewangan-lemah-punca-gagal-menyalurkan> (muat turun: 27 November 2023).

- RAHMAN, A.A. and ZULKIFLY, W. (2016) 'Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia', *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2)(2016): 85-94 [Preprint]. Doi: http://journalarticle.ukm.my/10895/1/Artikel-9_Dr.-Aisyah-Abdul-Rahman_FEP.pdf.
- Rubayah Yakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia
- SABRI, M.F. (2002) SOSIALISASI DAN TINGKAHLAKU KEWANGAN REMAJA doi: http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/8780/1/FEM_2002_4_A.pdf.
- Shaari, Hasan, Mohamed & Md. Sabri (2013). Education Literacy among Undergraduate in Malaysia. Shaari, N. A., Hasan, N. A., Mohamed, R. K. M., & Md Sabri, M. A. J. (2013). Financial Literacy: a study among the University. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 5(2).
- Schuchardt, J., Hanna, S. D., Hira, T. K., & Lyons, A. C..(2009). Financial Literacy and education research Priorities. *Journal of Financial Counseling and Planning*.
- WAHID, H. And ZAHARI, S.A. (2020) 'Literasi Kewangan Dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia', *urnal Personalia Pelajar* 23(1): 27-43 .
- Wan Mustaffa bin Wan Yusoff dan Moriza binti Fikri. (2011). "Kecekapan pengurusan kewangan di kalangan pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah." *Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011*. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- Wang, J. And Xiao, J.J (2009). Buying behaviour, social support and credit card indebtedness of college students. *International Journal of Consumer Studies*. Vol. 33: 2-10.
- Willis, L. E., "Evidence and Ideology in Assessing the Effectiveness of Financial Literacy Education"(2008). Scholarship at Penn Law. Retrieve online on 27th November 2023 http://lsr.nellco.org/upenn_wps/206
- Xiao, J.J, Shim, S., Barber, B., and Lyons, A. (2007). Academic Success and Well-Being of College Students: Financial Behaviours Matter. *Take Charge America Institute for Consumer Financial Education and Research*. The University of Arizona, Tucson.
- Yakob, R., Janor, H., & Khamis, N. Ain. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam kalangan Pelajar Universiti Awam : Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 18, 18(1), 75–88.
- Zuriana binti Mohamed dan Rosniyati binti abdrzak. (2012). "Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Jabatan Perdagangan. Politeknik Port Dickson.
- Yasmin Huzaimah & Anuar Ahmad (2017), Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa, Universiti Kebangsaan Malaysia